

PERANCANGAN KELUARGA, BAYI TABUNG UJI/IVF

Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir¹

PENDAHULUAN

Antara tujuan pernikahan adalah bagi melahirkan zuriat keturunan. Zuriat keturunan yang soleh. Ini sebagaimana doa:

“...Wahai Tuhan kami! Berilah kepada kami daripada pasangan kami dan zuriat kami akan sejuk mata memandangi, dan jadikan kami sebagai imam bagi orang bertaqwa”. (Surah al-Furqan (25) : 74).

Kertas kerja ini akan membicarakan dua perkara iaitu perancangan keluarga dan bayi tabung uji/IVF.

PERANCANGAN KELUARGA

Keperluan keluarga meliputi makan-minum, kualiti masa, pendidikan, kediaman dan pelbagai perkara. Pada masa yang sama, kebanyakan pasangan sebagai ibu bapa adalah sibuk dengan pekerjaan. Dalam memenuhi keperluan yang pelbagai, maka wujud keperluan kepada perancangan keluarga.

Dalam isu perancangan keluarga ini, terdapat dua perkara iaitu menghadkan jumlah anak (تنظيم النسل) dan perancangan anak (تحديد النسل).

Konsep menghadkan bilangan anak adalah dengan mematikan terus peluang untuk melahirkan anak. Konsep ini adalah tidak harus menurut pendapat para ulama. Ibn ‘Asyur menyatakan²:

وأما حفظ الأنساب ... فيجب أن تحفظ ذكور الأمة من الاختصاص مثلا ومن ترك مباشرة النساء باطراد العزوبة ونحو ذلك ، وأن تحفظ إناث الأمة من قطع أعضاء الأرحام التي بها الولادة

“Dan adapun pemeliharaan keturunan... maka wajib dipelihara lelaki umat dari perbuatan kasi contohnya, dan daripada meninggalkan hubungan kelamin dengan konsep membujang dan seumpamanya, dan wajib dipelihara wanita umat dari memutuskan anggota rahim yang berlaku kehamilan dengannya...”.

Walau bagaimanapun, jika terdapat keuzuran syarak maka ia adalah harus. Contohnya wujud penyakit berjangkit atau isu kesihatan wanita yang mengancam nyawa.

Manakala konsep perancangan keluarga merangkumi dua perkara utama bilangan anak yang wajar dimiliki dan jarak kelahiran anak. Perancangan keluarga adalah harus. Antara asasnya ialah:

1. Perancangan keluarga tidak sama dengan pembunuhan bayi. Dalam

¹ Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Univeriti Putra Malaysia.

² Ibn ‘Asyur, *Maqasid al-Shari’ah al-Islamiyyah*, h. 79.

perancangan keluarga, bayi belum terbentuk lagi. Sebaliknya perkara yang dilarang ialah pembunuhan anak sebagaimana nas al-Quran:

“...janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kemiskinan...”. (Surah al-An’am (6) : 151).

Pembunuhan anak adalah haram apabila sudah terbentuk dan di tiup ruh iaitu usia kandungan sudah 120 hari. Apabila anak sudah terbentuk tetapi belum di tiup ruh maka ia makruh yang hampir kepada haram. Apabila anak belum terbentuk maka pengguguran adalah harus menurut sebahagian pendapat ulama. Manakala perancangan keluarga adalah menyekat persenyawaan antara sperma dan ovum.

2. Kaedah ‘*azal*’ (lelaki memancutkan air mani di luar faraj wanita) berlaku pada zaman Nabi s.a.w. Kaedah ini adalah agar tidak berlaku kehamilan. Jabir r.h. menyatakan³:

كنا نعزل على عهد رسول الله والقرآن ينزل

“Kami melakukan ‘*azal*’ pada zaman Nabi s.a.w. sedangkan al-Quran masih diwahyukan”.

Al-Quran masih diwahyukan namun tiada nas al-Quran melarang amalan tersebut, bahkan Nabi s.a.w. juga tidak melarang. Sebab bagi proses ‘*azal*’ ini adalah agar tidak berlaku kehamilan. Ini dinyatakan dalam satu riwayat daripada Abi Sa’id r.h. bahawa disebut proses ‘*azal*’ kepada Nabi s.a.w. Maka Nabi s.a.w. bertanya sebab bagi demikian. Para Sahabat r.h.m. menjawab⁴:

الرجل تكون له ال-مرأة ترضع له فيصيب منها ويكره أن تحبل منه ، والرجل تكون له الأمة فيصيب منها ويكره أن تحبل منه

“Seorang lelaki mempunyai isteri yang menyusui bagi anaknya lalu lelaki ini melakukan hubungan kelamin dengan isterinya namun lelaki ini tidak suka isterinya hamil, dan seorang lelaki mempunyai hamba wanita lalu lelaki ini melakukan hubungan kelamin dengan hambanya namun lelaki ini tidak suka hambanya hamil”.

3. Bilangan anak yang ideal dalam kadar bilangan anak Nabi Muhammad s.a.w. Anak Nabi s.a.w. ialah tujuh orang. Terdapat perbezaan pandangan dalam turutan anak Nabi s.a.w. Hasil bacaan beberapa sumber, didapati kelahiran anak-anak Nabi s.a.w. daripada isterinya Khadijah r.h.a. seperti berikut:
 - I. Qasim adalah anak pertama.
 - II. Anak kedua Zainab dilahirkan ketika Nabi berusia 30 tahun.
 - III. Ruqayyah dilahirkan ketika Nabi s.a.w. berusia 33 tahun.
 - IV. Fatimah dilahirkan ketika Nabi berusia 35 tahun.
 - V. Kemudian lahirnya Ummu Kalsom dan ‘Abdullah.

Perancangan keluarga menjadi wajar kerana beberapa sebab. Antaranya:

³ Sahih al-Bukhari. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bari*, juz. 9, no hadis 5209.

⁴ Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bari*, juz. 9, h. 370.

1. isu kesempitan masa ibu bapa untuk menguruskan keluarga.
2. isu pendidikan dan tarbiah si anak.
3. isu kesihatan si anak.
4. Isu kesihatan ibu atau bapa.

Perancangan keluarga menjadi tidak wajar kerana beberapa sebab. Antaranya:

1. isu kemiskinan, bimbang anak menjadi miskin, tidak cukup makan.
2. Isu melampaui batas terhadap bayi dalam kandungan.

Rezeki adalah daripada Allah bahkan Allah menjamin rezeki setiap makhluk. Maka kita disuruh mencari rezeki. Manakala tindakan melampau ke atas bayi yang sudah wujud dalam rahim adalah tindakan yang zalim. Apabila si anak sudah terbentuk dalam rahim maka tidak sewajarnya dan seharusnya dimatikan si anak.

TABUNG UJI DAN IVF

Proses bayi tabung uji atau *In Vitro Fertility* (IVF) adalah teknik bantuan reproduktif bagi membantu pasangan yang mengalami masalah kesuburan. Teknik adalah harus dengan syarat tiada berlaku percampuran nasab keturunan. ini bermaksud bahawa sperma suami dicampurkan dengan ovum isterinya yang sah. Ada beberapa bentuk yang haram. Antaranya⁵:

1. Tiada ikatan suami isteri yang sah. Contohnya sperma dari mana-mana lelaki disenyawakan dengan ovum wanita yang bukan isterinya.
2. Sperma suami disenyawakan dengan ovum isterinya kemudian **diletakkan dalam rahim wanita yang lain**. Berlaku proses ibu tumpang. Ini menimbulkan isu ibu kandung.
3. Suami masih hidup ketika proses dilakukan. Apabila si suami sebagai punca benih sudah meninggal dunia, maka tidak harus lagi digunakan spermanya. Ini akan menimbulkan masalah nasab dan warisan harta pusaka.

Ada beberapa asas kepada keharaman IVF sebegini. Antaranya:

1. Nas al-Quran:

“Dan mereka yang memelihara kemaluannya melainkan kepada pasangan mereka atau hamba wanita yang mereka miliki maka mereka tidak tercela”. (Surah al-Mukminun (23) : 5).

2. Sabda Nabi s.a.w.⁶:

لا يحل لامرئ يؤمن بالله واليوم الآخر أن يسقي ماءه زرع غيره

“Tidak halal bagi orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat untuk menyiram air (maninya) akan tanaman orang lain (di rahim wanita yang tidak halal baginya)”.

Sabda Nabi s.a.w. lagi:

⁵ Dr. Basri bin Ibrahim, *Isu-isu Fiqh Halal & Haram Semasa*, jilid 2, h. 535 – 536.

⁶ Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, no hadis 2158.

ما من ذنب بعد الشرك أعظم عند الله من نطفة وضعها رجل في رحم لا يـحل له
"Tiada dosa yang lebih besar selepas syirik di sisi Allah dari dosa air mani yang mana seorang lelaki letakkan pada rahim yang tidak halal baginya".

Dalam hadis ini, ia disebut dengan lafaz yang menerangkan konsep yang lebih luas iaitu percampuran antara air mani lelaki dengan wanita bukan isterinya. Percampuran ini adalah haram walaupun tidak berlaku hubungan kelamin antara mereka berdua.

3. Memelihara keturunan.

Percampuran keturunan akan berlaku. Maka ini menimbulkan masalah seperti wali nikah, harta pusaka, aurat dan sebagainya. Antara maqasid Shariah adalah bagi memelihara nasab keturunan. oleh itu, keturunan

4. Kaedah fiqah⁷:

الأصل في الأبضاع التحريم

"Hukum asal bagi kemaluan adalah haram".

Hubungan kelamin antara lelaki dan wanita menjadi halal dengan sebab aqad nikah. Manakala rahim wanita menjadi halal dengan sebab halalnya hubungan kelamin iaitu jika berlaku pernikahan.

KESIMPULAN

Islam memberi ruang penyelesaian kepada setiap masalah. Dalam isu perancangan keluarga, masalahat keluarga adalah penting. begitu juga kesukaran pasangan mendapatkan anak secara normal maka Islam membenarkan kaedah yang tidak normal dengan syarat ia tidak melanggar hukum syarak.

⁷ Al-Suyuti, *al-Asybah wa al-Nazoir fi Qawa'id wa Furu' al-Shafi'iyah*, juz. 1, h. 169.